

Ditelan sungai

■ Kediaman bernilai RM300,000 hampir siap untuk sambut Ramadan, raya musnah



KAKITANGAN dari Jabatan Mineral dan Geosains Sabah memeriksa keadaan tanah di Kampung Mesilou, Kundasang, Ranau.

Oleh Junaidi Ladjana,
Ardyhansah Amat, Cleo Will
dan Lano Lana
hmkk@hmetro.com.my
Ranau

“Sangat sedih, kami sekeluarga merancang menyambut Ramadan dan Aidilfitri di rumah baru yang dibina dengan kos mencecah RM300,000.

“Malangnya, impian kami tidak kesampaian apabila rumah yang hampir siap itu jatuh ke dalam sungai,” kata Jahili @ Haili Salim, 48, selepas rumah tiga tingkat miliknya ranap akibat hakisan Sungai Mesilau di Kampung Mesilau, dekat sini, semalam.

Kejadian itu dipercayai berpunca daripada banjir lumpur yang berlaku sejak Isnin lalu sehingga rumah yang dalam pembinaan itu ranap. Bagaimanapun, Jahili bersama isteri serta enam anaknya terselamat kerana ketika kejadian mereka semua tiada di rumah dan hanya menyedarinya sebaik dimaklumkan oleh anggota bomba kira-kira jam 9 pagi.

Menceritakan kejadian itu, Jahili yang juga seorang guru

berkata, ketika kejadian, dia bersama keluarganya tinggal di rumah mentuanya di Kampung Cintamata, Kundasang, kerana rumah yang baru dibina belum siap sepenuhnya.

“Sejurus dimaklumkan, saya segera ke kampung dan melihat keadaan rumah yang siap 95 peratus itu. Saya mendapati keseluruhan rumah itu sudah terjatuh ke

dalam sungai dan kemungkinan rumah itu terjatuh malam tadi (semalam).

“Sedih memang sedih kerana kami sekeluarga merancang untuk menyambut Ramadan dan Aidilfitri di rumah baru

dengan kos mencecah RM300,000 itu. Malangnya, impian kami tidak kesampaian,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurut Jahili, sebelum banjir lumpur ini, jarak antara rumahnya dengan Sungai Mesilau antara 70 hingga 80 meter, namun pada jam 5.30 petang kelmarin, keadaan tebing berhampiran rumahnya terhakis akibat banjir lumpur.

“Bagaimanapun, saya tidak menyangka banjir lumpur itu

melenyapkan rumah baharu kami dalam sekelip mata.

“Setakat ini, kami sudah memindahkan beberapa barang ke rumah baharu itu termasuk sofa dan almari namun belum ada bekalan elektrik,” katanya.

Jahili yang mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Timbua, Ranau berkata, dia hanya balik ke Kundasang pada hujung minggu kerana jarak dengan kawasannya mengajar kira-kira 52 kilometer.

“Selain rumah saya, ada lima lagi rumah di situ berhadapan risiko sekiranya runtutan terus berlaku susulan banjir lumpur itu.

“Sebuah lagi rumah berhampiran rumah saya difahamkan hampir terjatuh,” katanya.

Dalam pada itu, sebuah lagi rumah jiran Haili dikatakan hanya menunggu masa untuk runtuh susulan banjir lumpur berkenaan.

Haili berkata, ia milik seorang malim gunung yang turut membantu dalam operasi mencari dan menyelamat mangsa gempa bumi pada 5 Jun lalu.

“Rumah malim itu hanya menunggu masa untuk jatuh jika banjir lumpur berterusan. Kami dimaklumkan keadaan tanah semakin lembut akibat banjir lumpur, sekali gus ia mudah runtuh,” katanya.

“Impian kami tidak kesampaian apabila rumah yang hampir siap itu jatuh ke dalam sungai”
Jahili